

Najaa Hazwani binti Zulkifli
Puchong, Selangor

Muallim Mohd Najhan Bin Rani
Guru Besar
Sekolah Rendah Sri Al-Amin Cyberjaya

12 Ogos 2026

Tuan,

**PERMOHONAN KETIDAKHADIRAN KE KURSUS PENANDAAN KERTAS
SOALAN**

Dengan segala hormatnya, merujuk perkara di atas.

2. Saya, Najaa Hazwani binti Zulkifli, Guru Bahasa Arab ingin memohon kebenaran untuk tidak menghadiri Kursus Penandaan Kertas Soalan yang akan diadakan seperti ketetapan berikut:

Hari: Sabtu

Tarikh: 15 Ogos 2026

Masa: 8.00 pagi – 1.00 petang

3. Untuk makluman pihak tuan/puan, ketidakhadiran saya adalah disebabkan anak saya terlibat dalam Pertandingan Pidato PASTI Peringkat Daerah Putrajaya yang akan berlangsung pada tarikh tersebut. Sebagai ibu, saya perlu hadir untuk memberikan sokongan dan mengiringi anak saya sepanjang pertandingan berkenaan.
4. Sehubungan dengan itu, saya amat berharap agar pihak tuan dapat mempertimbangkan dan meluluskan permohonan ketidakhadiran saya ke kursus tersebut. Segala maklumat dan ilmu yang disampaikan sepanjang kursus akan saya dapatkan daripada Ketua Panitia untuk memastikan saya mendapat maklumat yang berkaitan dan dapat mengikuti perkara-perkara penting yang dibincangkan.
5. Kerjasama, pertimbangan dan perhatian daripada pihak tuan/puan terhadap permohonan ini amat saya hargai. Segala kesulitan yang timbul amatlah dikesali.

Sekian, terima kasih.

Yang Benar,

najaa

(Najaa Hazwani binti Zulkifli)